

DATE: 24 / 5 / 2008

Perlu hantar delegasi pujuk Dr. Mahathir

um-24/5/2008

PULAU PINANG 23 Mei - UMNO diminta memujuk bekas Presidennya, Tun Dr. Mahathir Mohamad kembali semula menyertai parti itu kerana tindakan beliau berada di luar parti merupakan satu kerugian besar kepada orang Melayu.

Veteran UMNO, Datuk Seri Mohd. Yusoff Latiff (**gambar**) berkata, delegasi tersebut boleh disertai oleh pemimpin tertinggi dan veteran UMNO dengan diketuai oleh Timbalan Presiden, Datuk Seri Najib Tun Razak.

Menurutnya, tindakan itu tidak akan merugikan atau menjatuhkan martabat seseorang kerana selama ini orang Melayu berpegang pada adat yang cukup tinggi.

"Dr. Mahathir juga ada maruah tetapi tidak dinafikan sebagai manusia, beliau juga mempunyai kelemahan tetapi saya yakin jika UMNO berbuat demikian, beliau akan mengubah pendirian.

"Mereka perlu memujuk beliau kembali menyertai UMNO dan apa pun masalahnya ia perlu diselesaikan menerusi dalam UMNO itu sendiri," katanya pada sidang akhbar di

sini hari ini.

Menurut Mohd. Yusoff, sebarang kenyataan atau tindakan yang dibuat Dr. Mahathir tidak boleh diambil mudah atau diperkecilkan kerana ia boleh mendatangkan kesan kepada masyarakat.

Dalam pada itu, beliau turut menggesa pemimpin tertentu supaya berhenti daripada mengeluarkan kenyataan yang boleh mencetuskan kekusutan dan mengeruhkan lagi keadaan.

"Hentikan kenyataan seumpama itu terhadap negarawan yang kita hormati kerana ia boleh merosakkan bangsa kita sendiri.

"Kenyataan daripada pemimpin yang mempunyai agenda masing-masing juga perlu dihentikan kerana ia boleh merosakkan kewibawaan Dr. Mahathir," ujarnya.

Pada masa sama, beliau juga berpendapat isu tersebut tidak perlu melibatkan campur tangan Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Mizan Zainal Abidin kerana perkara tersebut perlu diselesaikan dalam UMNO sendiri.

